

PENGHAYATAN BERAGAMA DI KALANGAN PELAJAR : KAJIAN KES DI UITM KAMPUS KOTA BHARU

Noor Zafarina Mohd Fauzi^{1,a}, Nur Safwati Ibrahim^{2,b}, Nurul Bariyah Ibrahim^{3,c},
Siti Fatimah Othman⁴, Shamsunarnie Mohamed Zukri⁵,
Nor Hazreeni Hamzah⁶

^{1,2,3,4,5,6}Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Kelantan,
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan

^azafarina@kelantan.uitm.edu.my, ^bsafwa541@kelantan.uitm.edu.my,
^cbariyah@kelantan.uitm.edu.my

Keywords: Penghayatan beragama, akidah, ibadah, akhlak

Abstract. Mahasiswa merupakan tunggak utama yang akan menerajui kepimpinan negara pada masa hadapan dan seharusnya memiliki penghayatan beragama yang tinggi bukan semata-mata memiliki daya kepimpinan yang utuh. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap penghayatan agama Islam di kalangan pelajar yang melibatkan tiga domain iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Selain itu, objektif kajian adalah untuk mengetahui perbezaan penghayatan beragama antara pelajar lelaki dan perempuan. Sampel kajian yang dipilih secara rawak melibatkan 100 orang pelajar dari UiTM Kota Bharu dan melibatkan teknik pensampelan berstrata. Bagi pengumpulan data, borang soal selidik digunakan. Data yang diperoleh dianalisa menggunakan perisian SPSS versi 20 dan analisis yang digunakan adalah statistik diskriptif dan ujian t tidak bersandar. Hasil dapatan dari kajian ini menunjukkan bahawa tahap penghayatan beragama bagi domain akidah, ibadah dan akhlak adalah di tahap sederhana. Sehubungan dengan itu, semua pihak terutamanya pengurusan universiti mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan penghayatan agama Islam dititikberatkan dalam kehidupan seharian pelajar.

Introduction

Mahasiswa merupakan aset penting negara yang akan menerajui kepimpinan negara pada masa akan datang. Negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang bukan hanya dapat dicapai melalui pucuk kepimpinan yang mantap, bahkan pemimpin-pemimpin ini seharusnya menerapkan ilmu agama dalam menerajui negara bagi memastikan pembangunan negara selaras dengan hukum agama dan kehendak syarak. Kepimpinan dan Islam saling berkait antara satu sama lain dalam membentuk mahasiswa yang bukan sahaja berkeperibadian tinggi bahkan mempunyai penghayatan agama yang utuh. Elemen utama dalam penghayatan beragama merangkumi akidah, ibadah dan akhlak. Elemen ini telah diterapkan sejak dari kecil lagi dan seharusnya berterusan dalam kehidupan seharian. Mahasiswa pada hari ini seharusnya memberi perhatian yang serius bagi memastikan penghayatan agama yang maksimum di kalangan mereka.

Penyataan Masalah

Dalam dunia yang semakin moden dan mencabar ini, mahasiswa mudah terdedah dengan anasir negatif yang boleh merosakkan pegangan agama mereka. Permasalahan yang melibatkan remaja bukan merupakan isu baru di kalangan masyarakat pada hari ini. Keruntuhan akhlak di kalangan mahasiswa pada hari ini semakin meruncing dan berada ditahap yang amat membimbangkan. Laporan akhbar dan media massa sering memaparkan isu berkaitan masalah remaja seperti mencuri, sumbang mahram, zina dan pengambilan dadah. Menurut Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Berita Harian, 6 November 2017), statistik kes penyalahgunaan dadah di Malaysia semakin kritikal dengan peningkatan sebanyak lebih daripada dua kali ganda iaitu 30844 kes berbanding 2016. Jumlah kes kelahiran anak luar nikah juga dilaporkan melebihi setengah juta sepanjang 11 tahun sehingga Jun 2017. Masalah keruntuhan akhlak di kalangan remaja ini akan memberi masalah kepada negara pada masa akan depan jika tidak dibendung dan ditangani dari sekarang. Masalah ini bukan sahaja berlaku di kawasan bandar bahkan turut melibatkan kawasan luar bandar. Isu ini timbul disebabkan oleh kekurangan ilmu dan penghayatan beragama dalam jiwa mereka pada masa ini. Oleh hal demikian, kajian kes ini dilakukan bagi mengkaji tahap penghayatan beragama dalam jiwa remaja.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji tahap penghayatan beragama dalam tiga aspek iaitu akhlak, ibadah dan akidah di kalangan pelajar serta untuk mengkaji perbezaan penghayatan beragama dalam konstruk akidah, ibadah dan akidah antara jantina, aliran sekolah, fakulti dan tempat asal.

Metodologi Kajian

Populasi bagi kajian ini merupakan semua pelajar sepenuh masa UiTM Kota Bharu bagi semester September 2017-Januari 2018. Sampel kajian melibatkan 237 mahasiswa daripada dua fakulti di UiTM Kampus Kota Bharu iaitu Fakulti Sains Komputer & Matematik dan Fakulti Pengurusan Perniagaan. Teknik pensampelan secara rawak digunakan bagi memilih responden dan saiz sampel dikira menggunakan perisian Roasoft. Sebelum menjalankan kajian sebenar, kajian rintis dibuat terhadap 30 responden untuk menguji kesahihan dan kebolehpercayaan instrumen yang akan digunakan. Nilai Cronbach Alpha melebihi 0.7 menggambarkan kebolehpercayaan item yang tinggi. Item yang digunakan dalam kajian ini diadaptasi dari kajian yang telah dilakukan oleh Seri Kartini, J. dan Fariza, M. S. (2013). Bagi item demografik, soalan-soalan dirangka dalam bentuk tertutup manakala item bagi konstruk akidah, ibadah dan akhlak soalan-soalan dalam bentuk berskala likert dari 1 (sangat tidak bersetuju) hingga 7 (sangat bersetuju). Bahagian A mengandungi 5 item berkaitan profil responden manakala Bahagian B, C dan D mengandungi 7 item bagi setiap konstruk. Bagi pengumpulan data, borang kaji selidik secara elektronik iaitu Google Form digunakan. Responden perlu membuka link yang dihantar melalui aplikasi Whatsapp bagi membolehkan mereka menjawab kaji selidik tersebut. Tahap penghayatan beragama (akidah, ibadah dan akhlak) dikategorikan kepada tiga tahap iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Tahap penghayatan beragama ini dikategorikan mengikut jumlah skor bagi setiap bahagian di mana skor 39 hingga 49 dikategorikan sebagai tahap tinggi, skor 22 hingga 38 dikategorikan sebagai sederhana dan skor 7 hingga 21 dikategorikan sebagai tahap rendah. Data yang dikumpul dianalisa menggunakan perisian SPSS versi 20. Ujian yang digunakan untuk menguji hipotesis adalah statistik deskriptif dan ujian chi square kehomogenan.

Ujian Chi Square Kehomogenan

Ujian chi square kehomogenan dilakukan bagi mengkaji kewujudan perbezaan antara tahap penghayatan beragama (akidah, ibadah dan akhlak) dan pemboleh ubah demografi (jantina, aliran sekolah, fakulti dan tempat asal). Formula yang digunakan ialah

$$\chi^2 = \sum \frac{(O_i - e_i)^2}{e_i^2} \quad (1)$$

Berdasarkan Formula 1, O_i merujuk kepada nilai sebenar manakala E_i adalah nilai jangkaan. Andaian bagi membolehkan ujian ini sah ialah setiap E_i memberikan nilai minima 5 bagi ujian chi square kehomogenan, nilai signifikansi yang digunakan dalam ujian ini ialah 0.05.

Tinjauan Literatur

Menurut Kamus Dewan (2005), penghayatan merupakan kata terbitan yang berasal dari kata hayat. Ia menggambarkan perihal atau proses menghayati atau mendalami, menjiwai sesuatu sama ada melalui penglihatan, pendengaran, pembacaan atau sebagainya. Melalui penghayatan, seseorang itu dapat merealisasikan sesuatu yang ditanggapinya dalam kehidupan sama ada secara individu mahupun masyarakat. Dalam konteks pelajar, penghayatan agama membawa maksud bahawa mereka memahami serta menyedari kepentingan ketaatan dalam agama melalui pelaksanaan amalan-amalan asas dalam agama seperti menjaga solat fardhu, membaca al-Quran, mendalami ilmu agama, memelihara batas-batas syariat dalam pergaulan serta mengambil kira pertimbangan agama sebelum membuat sebarang keputusan. Pengamalan ajaran Islam boleh dikategorikan kepada tiga aspek iaitu akidah, ibadah dan akhlak (Seri Kartini, J. & Fariza, M. S., 2013). Akidah membawa maksud satu keyakinan yang dipegang oleh setiap manusia, sentiasa tersemat di salam hati dan dijadikan sebagai panduan dan jalan hidup dalam menjalani kehidupan seharian tanpa mengira benar atau salah (Johari, M.). Ibadah pula bererti kepatuhan untuk melaksanakan perintah Allah bukan sahaja merangkumi solat, puasa, zakat dan haji malahan dalam semua aspek kehidupan untuk mengangkat martabat manusia dengan tujuan ikhlas kerana Allah SWT (Irvan, 2014).

Satu kajian telah dilakukan oleh Seri Kartini, J. & Fariza, M. S. (2013) untuk mengkaji pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar politeknik Ungku Omar, Ipoh yang melibatkan 100 orang responden. Hasil daripada kajian tersebut membuktikan bahawa tahap pengamalan ajaran Islam di kalangan pelajar adalah baik dari aspek akidah (100%), ibadah (94%) dan akhlak (96%). Walau bagaimanapun, dapatan kajian tersebut menunjukkan tidak sampai 45% responden melakukan solat dengan konsisten.

Kajian lain telah dilakukan oleh Sarimah, M., Mohd Kashfi, M.J., Ab Halim, T. dan Kamarulzaman, A. G. (2011) yang melibatkan pelajar sekolah menengah di Selangor merangkumi 665 pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar perempuan menunjukkan penghayatan akhlak lebih baik berbanding pelajar lelaki memandangkan skor min dalam ketiga-tiga domain amalan penghayatan akhlak merangkumi sifat peribadi, amalan sosial dan amalan agama adalah tinggi bagi pelajar perempuan berbanding lelaki. Hasil dari kajian tersebut juga menunjukkan bahawa bagi domain amalan agama,

pelajar yang bersekolah di bandar mempunyai penghayatan amalan agama lebih tinggi (min=349.26) berbanding pelajar yang bersekolah di luar Bandar (min=324.56). Selain itu, pelajar yang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) berada di kedudukan yang paling tinggi bagi penghayatan agama (min=379.83) berbanding pelajar sekolah lain.

Walaupun bagaimanapun, kajian yang dilakukan oleh Mohd Khairi, S. & Mohamad Khairi, O. (2016) terhadap pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah menunjukkan sedikit perbezaan. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan adalah lebih kurang sama memandangkan skor min tahap pengamalan pelajar lelaki adalah 4.65 manakala pelajar perempuan ialah 4.63. Selain itu, tahap amalan akhlak pelajar yang tinggal di Bandar dengan di luar Bandar adalah sama iaitu skor 4.51 bagi pelajar yang tinggal di Bandar dan skor 4 bagi pelajar yang menetap di luar Bandar.

Hasil Kajian

Bab ini akan membincangkan dapatan kajian yang telah dijalankan. Berdasarkan ujian kebolehpercayaan soalan bagi kajian rintis dan kajian sebenar dari Jadual 4.1, boleh dirumuskan nilai alpha adalah tinggi dan baik dan item yang digunakan boleh diguna pakai untuk mengukur penghayatan beragama di kalangan para pelajar menggunakan konstruk akidah, ibadah dan akhlak.

Jadual 4.1: Ujian Kebolehpercayaan Bagi Kajian Rintis dan Kajian Sebenar

Konstruk	Kajian Rintis		Kajian Sebenar	
	Bil. Item	Nilai Cronbach's Alpha	Bil. Item	Nilai Cronbach's Alpha
Akidah	7	0.790	7	0.763
Ibadah	7	0.844	7	0.824
Akhlak	7	0.797	7	0.838

Objektif kajian yang pertama adalah untuk mengkaji tahap penghayatan beragama dalam tiga aspek iaitu akhlak, ibadah dan akidah di kalangan pelajar UiTM Kota Bharu. Jadual 4.2 menunjukkan konstruk ibadah memberikan skor minima yang paling kecil (23) diikuti oleh konstruk akidah dan konstruk akidah yang masing-masing skor adalah 27 dan 30. Kesemua konstruk memberikan skor maksima 49 iaitu maklum balas yang paling tinggi bagi setiap soalan yang ditanya. Di antara ketiga-tiga konstruk, akidah merupakan konstruk yang paling konsisten kerana sisihan piawai yang paling kecil 0.565 berbanding ibadah dan akhlak yang masing-masing adalah 0.683 dan 0.735. Nilai sisihan piawai yang rendah menunjukkan persepsi responden terhadap soalan yang dikemukakan tidak menunjukkan perbezaan yang ketara.

Jadual 4.2: Deskriptif Statistik Mengikut Konstruk

Konstruk	Minimum	Maksimum	Purata	Sisihan Piawai
Akidah	30	49	43.75	0.565
Ibadah	27	49	43.47	0.683
Akhlak	23	49	41.65	0.735

Hanya dua tahap penghayatan agama yang dapat dikategorikan untuk populasi kajian ini iaitu tahap tinggi dan tahap sederhana. Jadual 4.3 menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap penghayatan agama yang tinggi dalam kesemua konstruk. Di antara ketiga-tiga konstruk, penghayatan dari segi akhlak memberikan peratusan yang paling rendah dalam kategori tahap tinggi (77.5%) berbanding ibadah dan akidah yang masing-masing melebihi 80.0 peratus.

Jadual 4.3: Tahap Penghayatan Agama Mengikut Konstruk

Konstruk	Tahap	Frekuensi	Peratus
Akidah	Tinggi	211	89.4%
	Sederhana	25	10.6%
Ibadah	Tinggi	206	87.3%
	Sederhana	30	12.7%
Akhlak	Tinggi	183	77.5%
	Sederhana	53	22.5%

Jadual 4.4 merumuskan tahap penghayatan agama dari segi akidah, ibadah dan akhlak mengikut pemboleh ubah demografik iaitu jantina, aliran sekolah, fakulti dan tempat asal. Jadual menunjukkan tahap penghayatan agama lebih tinggi di kalangan pelajar perempuan berbanding lelaki. Terdapat perbezaan yang ketara bagi tahap tinggi penghayatan ibadah di mana peratusan perempuan melebihi 10% berbanding lelaki. Untuk pemboleh ubah aliran sekolah, didapati tiada perbezaan yang ketara dalam tahap penghayatan beragama bagi ketiga-tiga konstruk. Jika dibandingkan, pelajar dari sekolah menengah kebangsaan mempunyai tahap penghayatan agama yang lebih tinggi berbanding pelajar dari sekolah menengah kebangsaan agama. Bagi pemboleh ubah fakulti, dapatan menunjukkan kedua-dua fakulti mempunyai tahap penghayatan yang berbeza bagi ketiga-tiga konstruk. Walaupun tiada perbezaan yang ketara dalam konstruk akidah dan ibadah, namun perbezaan yang ketara wujud di bawah konstruk akhlak iaitu lebih 15%. Pelajar Fakulti Pengurusan Perniagaan mempunyai tahap penghayatan ibadah yang tinggi berbanding pelajar Fakulti Sains Komputer dan Matematik. Bagi pemboleh ubah tempat asal pula, pelajar yang berasal dari bandar mempunyai tahap penghayatan beragama yang tinggi berbanding yang berasal dari luar bandar. Namun perbezaan ini tidak terlampaui ketara iaitu kurang daripada 5%.

Jadual 4.4: Tahap Penghayatan Agama mengikut Pemboleh ubah Demografi

Demografik	Kumpulan [Frekuensi]	Tahap Penghayatan Akidah		Tahap Penghayatan Ibadah		Tahap Penghayatan Akhlak	
		Tinggi [%]	Sederhana [%]	Tinggi [%]	Sederhana [%]	Tinggi [%]	Sederhana [%]
Jantina	Lelaki [45]	86.7	13.3	75.6	24.4	73.3	26.7
	Perempuan[191]	90.1	9.9	90.1	9.9	78.5	21.5
Aliran Sekolah	Sek Men Keb Agama [43]	88.4	11.6	86.0	14.0	74.4	25.6
	Sek Men Keb [193]	89.6	10.4	87.6	12.4	78.2	21.8
Fakulti	BM [86]	90.7	9.3	84.9	15.1	87.2	12.8
	FSKM [144]	88.2	11.8	88.2	11.8	71.5	28.5
Tempat Asal	Luar Bandar [124]	88.7	11.3	85.5	14.5	75.8	24.2
	Bandar [112]	90.2	9.8	89.3	10.7	79.5	20.5

Untuk mencapai objektif yang kedua, iaitu mengkaji adakah wujudnya perbezaan di antara tahap penghayatan beragama (akidah, ibadah dan akhlak) dan pemboleh ubah demografik (jantina, aliran sekolah, fakulti dan tempat asal), ujian chi square kehomogenan telah dilakukan. Keputusan ujian telah dipersembahkan di Jadual 4.4. Dari Jadual 4.4, dapat dirumuskan perbezaan hanya wujud bagi konstruk ibadah dan akhlak berdasarkan nilai aras signifikan lebih kecil dari 0.05. Bagi konstruk ibadah, perbezaan hanya wujud di antara pemboleh ubah demografik jantina dan tahap penghayatan beribadah sahaja, manakala pemboleh ubah demografik yang lain (aliran sekolah, fakulti dan tempat asal) perbezaannya adalah tidak signifikan. Sementara bagi konstruk akhlak, perbezaan hanya wujud di antara pemboleh ubah demografik fakulti dan tahap penghayatan berakhlak sahaja, manakala pemboleh ubah demografik yang lain (jantina, aliran sekolah, dan tempat asal) perbezaannya adalah tidak signifikan.

Jadual 4.5: Hasil Ujian Chi Square Kehomogenan

Konstruk	Pemboleh Ubah Demografi	Nilai Pearson Chi-Square	Aras Signifikan
Akidah	Jantina	0.441	0.507
	Aliran Sekolah	0.059	0.807
	Fakulti	0.348	0.555
	Tempat Asal	0.134	0.714
Ibadah	Jantina	6.898	0.009
	Aliran Sekolah	0.073	0.787
	Fakulti	0.520	0.471
	Tempat Asal	0.767	0.381
Akhlak	Jantina	0.566	0.452
	Aliran Sekolah	0.295	0.587
	Fakulti	7.567	0.006
	Tempat Asal	0.452	0.501

Rujukan

- Ab Halim, T dan Kamarulzaman A. G. (2011).Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor Global. *Journal Al-Thaqafah* 1(1),71
- Ajmain, S. & Ab. Halim, T. (2011). Tahap Penghayatan Akhlak dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menurut Pentaksiran Rakan Sebaya. *International Conference on Islamic Education*.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005. Kamus Dewan. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Irvan (2014). Konsep Ibadah dalam al-Quran Kajian Surat Al-Fatihah Ayat 1-7. PHD Tesis, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Johari, M. Karya-karya Aqidah Islam : Satu Tinjauan Ringkas Penulisannya Sepanjang Zaman. *Jurnal Usuluddin*, 21-40.
- Mohd Khairi, S. & Mohamad Khairi, O. (2016). Kefahaman dan Pengamalan Akhlak dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah Proceeding of ICECRS 1,663-676
- Sarimah, M., Mohd Kashfi, M.J., Ab Halim, T & Kamarulzaman, A. G. (2011). Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor Global. *Journal Al-Thaqafah*, 1(1),71.
- Seri Kartini, J & Fariza, M. S. (2013). Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh. *Islamiyyat Q&E*, 35(1), 29-38.